

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 10 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 14

## Data pemilikan rumah dijangka siap sebelum akhir tahun

Kuala Terengganu: Sistem pangkalan data berpusat pemilikan rumah mampu milik berharga RM300,000 ke bawah yang dibangunkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Shah berkata data yang mengandungi pelbagai maklumat pemilikan rumah itu divujudkan bagi memastikan pembinaan rumah jenis itu dinikmati oleh golongan sasaran.

"Data yang lengkap dan tepat ini akan membantu kerajaan memastikan rumah berkenaan dimiliki oleh mereka yang betul-betul memerlukan terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah.

"Bukannya lagi kepada individu yang mempunyai kaitan dengan politik atau berdasarkan hubungan kekeluargaan dengan pihak-pihak tertentu," katanya selepas berkunjung ke rumah seorang penggiat seni yang terlantar di Kampung Losong di sini, sempena program Ziarah Kasih anjuran

Parti Amanah Negara (AMANAH) Terengganu semalam.

Raja Kamarul Bahrin juga berkata kewujudan pangkalan data itu antara fokus KPKT pada tahun ini bagi memastikan pengagihan rumah mampu milik dilaksanakan secara adil selain pembinaan lebih banyak kediaman jenis itu.

Mengulas mengenai program Ziarah Kasih itu pula, Raja Bahrin yang juga Pengerusi AMANAH Terengganu berkata parti itu akan terus menyantuni rakyat secara berterusan demi kebajikan mereka yang memerlukan.

"Contohnya, hari ini (semalam) kita melawat seorang penggiat seni, Mahmud @ Mustafa Teh, 76, yang banyak berjasa dan mengharumkan nama Terengganu melalui bakat kreativiti dalam pembuatan blok batik," katanya.

"Kita harap penggiat seni yang masih muda dapat mencontohi kreativiti 'orang lama' kerana tanpa kecanggihan teknologi pun, mereka dapat menghasilkan rekaan seni yang bermutu tinggi dan mempopularkan Terengganu," katanya.



Raja Kamarul Bahrin Shah (kiri) menziarah Mahmud @ Mustafa yang terlantar sakit di Kampung Losong, Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)